

SINOPSIS MATA PELAJARAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN KEJURUTERAAN

SPL 4202 Agroteknologi

Kursus ini direkabentuk untuk mendedahkan pelajar dalam bidang Agroteknologi. Ia akan memberi penekanan kepada konsep umum mengenai Agroteknologi meliputi Pengenalan kepada Agroteknologi, Pengenalan kepada tisu kultur, Kejuruteraan Pertanian, Pengkomputeran dalam bidang industri pertanian, Asas simenfero, Teknologi Penanaman Cendawan, Pemasangan sistem pengairan titis, Pemasangan sistem sprinkler, Jentera-jentera pertanian, dan Pengurusan pertanian. Di akhir kursus ini, pelajar diharapkan boleh mempamerkan serta mengaplikasikan pengetahuan menerusi kerja amali. Pelajar juga diharapkan boleh melaksanakan kerja dalam berkumpulan dan menunjukkan etika kerja yang baik.

Rujukan:

Reiley, H.E. (1997). *Introductory Horticulture*. Delmar Publishers.
Hartman, H.T. et. al. (1997). *Plant Propagation: Principles and practices*. Prentice Hall
Aziah Arshad (1996). *Menanam Secara Hidroponik*. Kuala Lumpur : DBP.
Abdul Gafar Abdul Rahman (1993). *Asas Jentera Ladang*. DBP.
Raja Muhammad Raja Haron (1991). *Pengeluaran Makanan Hidroponik*. Kuala Lumpur : DBP.

SPL 3212 Hortikultur Hiasan

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang Pengenalan kepada industri Hortikultur Hiasan., Ia meliputi Pengelasan tumbuhan Hortikultur Hiasan, Mengenal tumbuhan Hortikultur Hiasan, Bahagian-bahagian tumbuhan serta fungsinya, Keperluan asas untuk kehidupan tumbuhan, Pemiakan tumbuh-tumbuhan Hortikultur Hiasan:- biji benih, keratan, pembahagian rumpun, markot, cantuman dan bahagian tampang lain, Bekas tanaman dan medium penanaman, Penanaman tumbuhan dalam bekas tanaman, Penjagaan tumbuhan hiasan:- pengawalan cahaya, air, suhu dan baja, Pengawalan perosak dan penyakit, Pengawalan tumbesaran tumbuhan dan kerja-kerja penjagaan lain, Pembinaan dan pengurusan tapak samaian serta Merekabentuk landskap. Di akhir kursus ini, pelajar diharapkan boleh mengaplikasikan konsep teori ke dalam kerja amali dan kreatif.

Rujukan:

Baustista, O.K. et.al. (1983). *Introduction to Tropical Horticulture*. Los Banos : University Of Philippines
Hartman H. T., Kester D. E., Davies F. T and Geneve R. L (1997). *Plant Propagation: Principles and Practices*. New Jersey : Prentice Hall.
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (1991). *Penanaman Orkid*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (1992). *Panduan Pengeluaran Sayur-sayuran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia
Mustafa Kamal Mohd. Shariff (1995). *Hortikultur Hiasan dan Landskap*. DBP
Norain Mohd. Rejab (1996). *Tanaman Lanskap: Pokok Renek*. DBP.
Reiley H. E. (1997) *Introductory Horticulture, 5th Edition*,. New York : Delmar Publishers.

SPE 3002 Perdagangan dan Keusahawanan

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai konsep keusahawanan dan perniagaan. Ianya akan menghuraikan beberapa isu penting terutamanya ciri personaliti usahawan; dan juga pengetahuan keusahawanan serta kemahiran keusahawanan yang perlu di miliki oleh seseorang usahawan. Kursus ini juga akan membincangkan kepentingan perniagaan; serta masalah-masalah berkaitan perniagaan seperti modal, tenaga kerja, pasaran dan lain-lain. Turut dibincangkan adalah pendidikan keusahawanan yang merangkumi kepentingannya; proses pengajaran-pembelajarannya; dan perbezaannya daripada pendidikan umum. Seterusnya, pelajar diberikan peluang untuk membina profil seorang usahawan hasil daripada temubual yang dilaksanakan dengan seorang usahawan terpilih. Di akhir kursus ini, para pelajar sepatutnya boleh mengaplikasikan pelbagai konsep yang telah dipelajari dan membentuk amalan perniagaan yang berkesan.

Rujukan:

Baumbeck, C.M. (1998). *How to Organize and Operate a Small Business. 8th Ed.*
Casson, M. (1990). *Entrepreneur*. Vermont: Edward Edgar.
Dun & Bradstreet. (1987) *The Business Failure Record*. New York: Author.
Leon G. Schiffman & Leslie L. Kanuk. (1994). *Consumer Behavior (Edisi 5)*. New York : Prentice Hall.
Prabir Dass. (1992). *Perakaunan Kos*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
Zikmud Et., Al. (1989). *Marketing (Edisi 3)*. New York: J. Wiley.

SPL 1302 Asas Perdagangan

Kursus ini direka khas untuk mendedahkan pelajar kepada amalan asas perniagaan di Malaysia. Fokus utama adalah membina pengetahuan dalam perancangan perniagaan dan keusahawanan. Penekanan akan diberikan kepada beberapa aspek berkaitan amalan perniagaan merangkumi pelbagai jenis pendaftaran dan hakmilik perniagaan; pelbagai jenis institusi-institusi kewangan; sistem sokongan daripada pihak kerajaan dan bukan kerajaan. Pelajar juga akan didedahkan kepada tanggungjawab sebagai konsumer dalam aspek konsumerisme dan juga etika perniagaan. Pelajar juga akan belajar untuk menyediakan akaun perniagaan dan akaun untung-rugi; di samping kunci kira-kira menggunakan format penyata dan bentuk-T. Di akhir kursus ini, para pelajar sepatutnya boleh mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dengan menyediakan rancangan perniagaan yang lengkap.

Rujukan:

- Ahmad Zaidi Bahari. (1997). *Prinsip Perakaunan*. Skudai : UTM
Frak Wood. (1994). *Perakaunan Perniagaan Bahagian 2*. Selangor: Longman.
Frank Wood . (1996). *Business Accounting 1*. Pitman
Kotler Et., Al. (1996) *Principles If Marketing (Edisi 7)*. New York: Prentice Hall.
La Rue Et., Al.(1996). *Fungsi Keusahawanan*. Kuala Lumpur:DBP
Leon G. Schiffman & Leslie L. Kanuk. (1994). *Consumer Behavior (Edisi 5)*. New York : Prentice Hall.
Prabir Dass. (1992). *Perakaunan Kos*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
Zikmud Et., Al. (1989). *Marketing (Edisi 3)*. New York: J. Wiley.

SPL 3412 Aplikasi Komputer Grafik

Kursus ini dibentuk untuk mendedahkan pelajar-pelajar dalam merekabentuk grafik menggunakan komputer dan kaedah tradisional untuk pelbagai kegunaan terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran, kejuruteraan, penghasilan papan iklan dan mencetak pakaian. Ia akan menekankan kepada konsep asas terhadap elemen-elemen seni, pemilihan bahan, perisian-perisian grafik, proses merekabentuk dan proses penghasilan produk grafik. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menunjukkan dan mengaplikasikan pengetahuan dengan menyediakan laporan rekabentuk grafik, lukisan-lukisan grafik, menghasilkan sepanduk, banting, papan iklan, papan keselamatan dan mencetak pakaian. Pelajar-pelajar juga akan boleh bekerja dalam kumpulan dan menunjukkan etika profesional.

Rujukan:

- Angel,E.(1990), *Computer Graphics*. New York: Addison-Wesley
Dunn,S.(1990), *Craft Design and Technology: A Complete Courses*, Heinemann Addison-Wesley.
Foley, J. (1990), *Computer Graphics: Principles and Practice*, 2nd Ed. Mass.:Addison-Wesley.
Hearn,D(1994), *Foundamental of 3-D Computer Graphics*. Mass.: Addison-Wesley
Marshall,G.R.(1987), *Computer Graphics in Application*. New Jersey : Prentice-Hall
Hearn,D and Baker,M.P. (1994), *Computer Graphics*. New Jersey : Prentice-Hall
Rogers,D.F. and Earnshaw, R.A. (1990), *Computer Graphics Techniques: Theory and Practice*. New York:Springer-Verlag.

SPE 3502 Teknologi Kejuruteraan II

Subjek ini direkabentuk bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap proses terbaru dalam aplikasi teknologi kejuruteraan. Penekanan subjek ini akan melihat kepada fisiologi industri, aplikasi kimpalan berasas MIG dan TIG, membina kerja-kerja menaik tembok, membuat litar interkom dan fungsian aplikasi sistem penyejukan. Isu-isu terkini dalam dunia teknologi kejuruteraan kini dan masa hadapan turut dibincangkan. Pada akhir kursus ini pelajar seharusnya boleh membina dan aplikasi sistem-sistem yang telah diajar. Pelajar ini juga seharusnya boleh bekerja secara berkumpulan dan membentangkan hasil dapatan kerja-kerja berkumpulan.

Rujukan:

- Baxter, Mike (1995). *Product Design: A Practical Guide to Systematic Methods of New Product Development*. London: Chapman & Hall
Crouse, William Harry, and Anglin, Donald L.(1976), *Automotive Fuel, Lubricating and Cooling Systems:Construction, Operation, and Maintenance*. 5th ed., New York: McGraw-Hill
Lindbeck, John R. (1995), *Product Design and Manufacturing*. N.J.: Prentice Hall.
Pugh, Stuart (1991), *Total Design: Integrated Methods for Successful Product Engineering*, London : Addison-Wesley
Ulrich, Karl T. (2000), *Product Design and Development*. Boston : Irwin McGraw Hill

SPE 2302 Amalan Automotif : Petrol dan Diesel

Subjek ini direkabentuk bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap sistem-sistem automotif, mendiagnos kerosakan komponen, lokasi dan fungsian komponen. Penekanan subjek ini akan menfokuskan sistem kenderaan seperti sistem bahanapi, sistem penyejukan, sistem pelinciran, sistem penyalaan, sistem mengecas, chasis, sistem gantungan dan stereng, sistem panduan dan sistem brek. Isu-isu terkini dalam dunia teknologi automotif kini dan masa hadapan turut dibincangkan. Pada akhir kursus ini pelajar seharusnya boleh membina dan aplikasi sistem-sistem yang telah diajar. Pelajar ini juga seharusnya boleh bekerja secara berkumpulan dan membentangkan hasil dapatan kerja-kerja berkumpulan.

Rujukan :

Crouse, William Harry, and Anglin, Donald L.(1976), *Automotive Fuel, Lubricating and Cooling Systems: Construction, Operation, and Maintenance. 5th ed.*, New York: McGraw-Hill
Heywood, John B., (1988). *Internal Combustion Engines: Fundamentals*. New York : McGraw-Hill,
Pugh, Stuart (1991), *Total Design: Integrated Methods for Successful Product Engineering*, London : Addison-Wesley
Taylor, Charles Fayette.,(1985). *The Internal Combustion Engine: Theory and Practices. 2nd rev ed.*, Cambridge, Mass.: MIT Press.

SPL 4002 Teknologi Automotif

Subjek ini direkabentuk bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap sistem-sistem automotif, mendiagnos kerosakan komponen, lokasi dan fungsian komponen. Penekanan subjek ini akan menfokuskan sistem kenderaan seperti sistem bahanapi, sistem penyejukan, sistem pelinciran, sistem penyalaan, sistem mengecas, chasis, sistem gantungan dan stereng, sistem panduan dan sistem brek. Isu-isu terkini dalam dunia teknologi automotif kini dan masa hadapan turut dibincangkan. Pada akhir kursus ini pelajar seharusnya boleh membina dan aplikasi sistem-sistem yang telah diajar. Pelajar ini juga seharusnya boleh bekerja secara berkumpulan dan membentangkan hasil dapatan kerja-kerja berkumpulan.

Rujukan :

Crouse, William Harry, and Anglin, Donald L.(1976), *Automotive Fuel, Lubricating and Cooling Systems: Construction, Operation, and Maintenance. 5th ed.*, New York: McGraw-Hill
Heywood, John B., (1988). *Internal Combustion Engines: Fundamentals*. New York : McGraw-Hill,
Pugh, Stuart (1991), *Total Design: Integrated Methods for Successful Product Engineering*, London : Addison-Wesley
Taylor, Charles Fayette.,(1985). *The Internal Combustion Engine: Theory and Practices. 2nd rev ed.*, Cambridge, Mass.: MIT Press.

SPL 4102 Teknologi Pemprosesan Makanan I

Kursus ini direka untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep asas teknologi makanan yang meliputi perbincangan tentang penerimaan makanan dari aspek tekstur, rasa, aroma, bentuk, warna makanan serta nilai-nilai pemakanan. Ia akan membincangkan proses pemindahan haba ke atas makanan, jenis-jenisnya, faktor yang mempengaruhinya dan kesannya terhadap makanan. Beberapa kaedah tentang pemprosesan (pengawetan) makanan menggunakan haba juga diperkenalkan seperti penceluran, pempasturan, pensterilan, pemeruapan, pendehidratan, bakar, panggang, goreng, ketuhar gelombang mikro dan sinaran infra-merah. Setiap proses akan diikuti dengan perbincangan berkaitan keburukannya terhadap kualiti makanan. Diakhir kursus ini pelajar seharusnya dapat menjelaskan process pemindahan haba ke atas makanan dan membincangkan kelemahan dan kebaikan pemprosesan makanan terhadap kualiti maknanan.

Rujukan:

Aishah Hamzah (1989). *"Teknologi dan Perkhidmatan Makanan."* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Fellows, P. (1988). *"Food Processing Technology: Principles and Practice."* Chichester (England): Ellis Horwood Ltd.
Mohd. Khan Ayob, Aminah Abdullah, Zawiah Hashim (1992). *"Pengenalan Sains Makanan."* (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mamat Shafie Embong (1987): *"Asas Pengawetan Makanan: Pengawetan Menggunakan Haba."* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
Dudley, S.R. (1988). *"Mastering Catering Science."* Hampshire, London: MacMillan Education.

SPL 4112 Teknologi Pemprosesan Makanan II

Kursus ini memberikan pendedahan awal tentang beberapa kaedah pemprosesan makanan tanpa perlakuan haba seperti penyejukan dengan kawalan suhu penstoran, penyejukbekuan dan penyejukbekuan kering. Perbincangan tertumpu kepada operasi, kebaikan dan keburukan serta kesannya terhadap kualiti makanan. Turut dibincangkan ialah contoh, ciri dan fungsi bahan tambah makanan (asid, alkali, bahan penimbal, bahan penuteral, bahan awet, anti pengoksida, agen pengemulsi, penstabil, pemekat, bahan pemanis, perisa dan bahan pewarna) dan bagaimana ia mempengaruhi kualiti makanan. Fungsi dan kepentingan pelabelan, akta-akta dan peraturan makanan serta agensi pengawasan serta perbincangan tentang pembungkusan dan pengetinan makanan turut termuat dalam kursus ini. Isu semasa tentang perkembangan teknologi makanan dan hubungkaitnya dengan keperluan masa hadapan juga dibincangkan. Di akhir kursus ini pelajar akan dapat menghuraikan kaedah memproses makanan tanpa menggunakan haba, membincangkan ciri dan fungsi pelbagai jenis bahan tambah, menjelaskan kepentingan label, akta dan peraturan makanan dan menghuraikan proses pembungkusan dan pengetinan makanan.

Rujukan:

- Fellows, P. (1988). *Food Processing Technology: Principles and Practice*. Chichester (England): Ellis Horwood Ltd.
Soleha Ishak (1995). *Pengawetan Makanan Secara Pengerangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mohd. Khan Ayob, Aminah Abdullah, Zawiah Hashim (1992). *Pengenalan Sains Makanan*. (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Dudley, S.R. (1988). *Mastering Catering Science*. Hampshire, London: MacMillan Education.
Warta Kerajaan Malaysia (1985). *Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara

SPL 1112 Asas Penyediaan Makanan & Pemakanan

Kursus ini diperkenalkan untuk memberi pengalaman kepada pelajar berhubung dengan pengurusan makanan. Tumpuan diberikan terhadap konsep antropologi social pemakanan berdasarkan saiz keluarga, diet seimbang, perancangan menu yang terdiri dari harga makanan, kandungan makanan dan pengurusan masa. Diakhir kursus ini pelajar seharusnya boleh menyediakan makanan dengan mengaplikasi prinsip-prinsip dan pengetahuan pemakanan dalam penyediaan hidangan, sanitasi makanan, keselamatan makanan, nutrien-nutrien makanan dan menghidang makanan dengan cara yang menarik dan betul.

Rujukan:

- Aishah Hamzah (1989). *Teknologi dan Perkhidmatan Makanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Fellows, P. (1988). *Food Processing Technology: Principles and Practice*. Chichester (England): Ellis Horwood Ltd.
Soleha Ishak (1995). *Pengawetan Makanan Secara Pengerangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mohd. Khan Ayob, Aminah Abdullah, Zawiah Hashim (1992). *Pengenalan Sains Makanan*. (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mamat Shafie Embong (1987). *Asas Pengawetan Makanan: Pengawetan Menggunakan Haba*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

SPL 4222 Prinsip Pengeluaran Ternakan

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada pengetahuan asas, teori dan kemahiran dalam menternak, pengeluaran dan mengurus haiwan ternakan dan haiwan kesayangan. Ia akan menekankan kepada konsep asas dalam menternak dan mengurus ternakair, ternakan ruminan dan bukan ruminant seperti kambing, lembu, ayam dan puyuh. Ia juga akan membincangkan berkenaan haiwan kesayangan tentang pemeliharaan dan pengurusan terutamanya untuk anab, kucing, iguana dan hamster. Kursus ini juga akan menyediakan aktiviti kerja ladang dalam pemeliharaan dan pengurusan ternakan ayam, puyuh dan ikan. Di akhir kursus ini, pelajar-pelajar akan dapat menunjuk dan mengaplikasi pengetahuan dengan mengemukakan laporan projek penternakan. Pelajar-pelajar juga akan boleh bekerja dalam kumpulan dan menunjukkan etika profesional.

Rujukan:

- Aminuddin, Chee et.al. (1989). *Pengeluaran Ternakan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
Chee Teck Soon and Goh Hooi Beng. (1982). *Sains Pertanian*. Kuala Lumpur : Longman (M) Sdn. Bhd.
Hickling, C.F. (1971). *Kultur Ikan. Serdang* : Universiti Pertanian Malaysia.
Jabatan Perikanan (1990). *Kursus Akuakultur*. Jabatan Perikanan.
Jabatan Perkhidmatan Haiwan (1987). *Panduan Penternakan Bebiri*. Jabatan Perkhidmatan Haiwan.
Jabatan Perkhidmatan Haiwan (1988). *Panduan Penternakan Anab Pedaging*. Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

SPL 1212 Pemiakan & Pengurusan Tanaman

Kursus ini mendedahkan pelajar-pelajar tentang aspek asas dalam pembiakan dan pengurusan tanaman. Ia akan menekankan tentang asas peralatan pertanian, teknik pembiakan sek dan aseks, teknologi penanaman sayur-sayuran, teknik menanam rumput, sistem hidroponik, teknologi cocopit dan pengurusan tanaman. Kursus ini juga menyediakan kerja lapangan dalam pembiakan tanaman dan projek penanaman sayur-sayuran. Di akhir kursus ini pelajar-pelajar akan dapat menunjuk dan mengaplikasikan pengetahuan untuk membiak, menanam, menghasil dan menguruskan sayur-sayuran.

Rujukan:

Azizah Arshad (1996). *Menanam secara Hidroponik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
Baustista, O.K. et.al. (1983). *Introduction to Tropical Horticulture*. Los Banos : University Of Philippines
Halimathul Saadiah A. Shafiei (1995). *Asas Teknologi Biji Benih*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (1991). *Penanaman Orkid*. Kuala Lumpur :
Kementerian Pertanian Malaysia
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (1992). *Panduan Pengeluaran Sayur-sayuran*. Kuala Lumpur : Kementerian Pertanian Malaysia
Reiley H. E. (1997) *Introductory Horticulture (5th Ed.)*. New York : Delmar Publishers.

SPE 1002 Asas Lukisan Kejuruteraan

Kursus ini memberikan asas kepada keedah-kaedah di dalam lukisan kejuruteraan. Penekanan akan diberikan kepada membina serta menterjemah lukisan-lukisan geometri, garisan, teknik penulisan atau penghurufan, pendimensian, unjuran ortografik, isometrik, oblik, pandangan bantuan tambahan dan putaran. Penekanan juga akan diberikan dalam kemahiran penggunaan peralatan lukisan dan penghasilan bahan bantu mengajar secara berkumpulan.

Rujukan :

Besterfield, D. H. dan Ohagan, R. E. (1990). *Technical Sketching for Engineers, Technologist and Technician*, 2nd Edition, New Jersey : Prentice Hall.
Bethune, J. D. (1987). *Essential of Drafting*, 2nd Edition, New Jersey : Prentice Hall.
Earle, J. H. (1995). *Graphics Technology*, Massachusetts : Addison-Wesley Pub.
Jensen, C. dan Helsel, J. D. (1990). *Fundamentals of Engineering Drawing, 3rd Edition*, New York: Mc Graw Hill.
Sadamatsu, J. dan Sadamatsu, S. (1985). *Design Dr*

SPE 1022 Lukisan Kejuruteraan I

Kursus ini adalah lanjutan daripada asas lukisan kejuruteraan. Penekanan diberikan kepada aspek membina dan melukis lukisan keratan, hamparan, persilangan, perspektif satu titik dan dua titik, lukisan bangunan, elektrik, elektronik dan perpaipan. Pelajar juga dilatih untuk mengajar di hadapan dan membuat persembahan projek yang dibuat secara berkumpulan. Di akhir pelajaran ini diharap pelajar dapat menggunakan konsep lukisan apabila mengajar kelak.

Rujukan:

Giesecke, F. E. & at el.(1992) *Technical Drawing*. New York: Macmillan Publishing.
Jackson, E. & M. Coll. H. (1970) *Advance Level Technical Drawing, 2nd Ed*, London: The Macmillan Press Ltd.
Spencer, H.C & Dygdon J. H (1968) *Basic Technical Drawing*, New York: Macmillan Publishing.

SPL 1022 Asas Elektrik

Dalam mata pelajaran ini pelajar akan didedahkan kepada aspek teori dan amali berkaitan dengan litar elektrik mudah. Penekanan akan diberikan kepada pemahaman konsep litar elektrik, arus, voltan, rintangan, kuasa, hukum Ohm, Hukum Kirchoff Arus dan Voltan, litar siri selari, litar arus terus dan au, kemagnetan, sistem bekalan at dan au, sistem penjanaan, sistem pendawaian elektrik domestik dan industri serta pembumian litar elektrik. Selain itu penekanan kepada aspek kemahiran membina litar, mendawai litar elektrik domestic dan industri juga akan di ajarkan kepada pelajar.

Rujukan:

Duff J. R. & Kaufnan (1980). *Alternating Current Fundamentals*, New York : Delmar Publishers.
Floyd, T. L (1997). *Principles of Electric Circuit, 5th edition*, New Jersey: Prentice-Hall.
Goodal, F. & Rishton, D. K (1995). *Prinsip Elektrik dan Elektronik* (terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Grob, B (1986). *Basics Electronics*, Singapore: McGraw-Hill.
Kementerian Pendidikan Malaysia (1991). *Kemahiran Hidup Bersepadu: Teras (tingkatan 1 - 3)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

SPE 2202 Amalan Pendawaian Elektrik

Kursus ini akan memberikan pengetahuan dan kemahiran asas mengenai aplikasi pendawaian elektrik domestik 1 fasa dan 3 fasa, dan jenis-jenis pendawaian, litar kecil akhir, aksesori elektrik, pengalir kabel elektrik, sistem perlindungan, pengujian, pembumian litar elektrik. Pelajar juga akan didedahkan kepada konsep asas pembentukan trunking, conduit dan pvc conduit dalam pendawaian elektrik. Pada peringkat akhir pengajaran mata pelajaran ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan konsep-konsep pendawaian elektrik.

Rujukan:

Abdul Samad Hanif (1988). *Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik*. KL: DBP.
Burdett, Geoffrey (1997). *Home Electrics, Household Appliances, Electric -- Maintenance and Repair*. NJ: Prentice-Hall
Francis, T G. (1981). *Kerja Pemasangan Elektrik*. KL: Longman
Kementerian Pendidikan Malaysia (1993). *Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Tg. 4 & 5"*, K. L: DBP dan Marwillis Pub. & Distb.
Kementerian Pendidikan Malaysia (1993). *Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Tg. 4 & 5"*, K. L: DBP dan Marwillis Pub. & Distb.
Markell, Jeff (1991). *Electrical Wiring for the Home*. New Jersey: Prentice-Hall.

SPE 4212 Penyelenggaraan & Baikpulih Elektrik

Kursus ini memberi pengetahuan mengenai kaedah membaikpulih dan menyelenggara peralatan-paralatan elektrik dan elektronik. Pelajar didedahkan kepada penganalisaan litar-litar, menyuruh litar, mengesan, menguji dan merawat kerosakan-kerosakan peralatan elektrik dan elektronik. Kaedah penyediaan format penyelenggaraan alat juga diberi penekanan. Di akhir kursus ini di harapkan pelajar akan dapat membuat persembahan dan menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari untuk membuat laporan amali dan menyiapkan lukisan skematik litar.

Rujukan:

Hertzberg, Robert Edward. (1969). *Repairing small electrical appliances*. New York : Arco.
Hubert, Charles I. Edition: 2nd ed.(1969). *Preventive maintenance of electrical equipment* .New York : McGraw-Hill, 1969
Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). *Menservis Radio dan TV* . PJ: IBS Buku Sdn. Bhd.
Kissell, Thomas E. (1990). *Modern industrial/electrical motor controls : operation, installation, and troubleshooting*. Englewood Cliffs, NJ : Prentice-Hall.
Kittle, James L (1985). *Home electrical repair and maintenance*. New York Mc Graw-Hill
Lundquist, Lynn (2000). *Industrial electrical troubleshooting*. Albany, N.Y. : Delmar.

SPL 1002 Teknologi Kayu

Kursus ini menekankan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Teknologi Kayu. Pelajar akan mendalami mengenai : Kayu-kayan dan produk kayu tempatan; Alatan tangan dan mesin kerja kayu; Pemilihan dan penyediaan bahan; Tanggam-tanggam kerja kayu dan kegunaannya; dan Bahan-bahan penyantuman dan kemas. Aspek-aspek keselamatan yang berkaitan juga ditegaskan. Pelajar juga akan berpeluang mengaplikasikan kreativiti dan kemahiran mereka bagi menghasilkan projek-projek kerja kayu.

Rujukan:

John A. Walton (1971) *Pertukangan Kayu - Tiori dan Amalan*. KL: DBP
Mix, Floyd M., Ciron, Ernest H (1969) *Practical Carpentry, Illionis: Goodheart-Wilcox., Inc.*
R. Bruce Hoadley (2000) *Understanding Wood : A Craftman's Guide to Wood Technology*, New York: The Macmillan Press Ltd.
Willis H. Wagner (1974) *Modern Woodworking, Illinois: The Goodheart-Willcox Co. Inc. Pub.*

SPE 1102 Amalan Pertukangan Kayu

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada amalan pertukangan kayu dalam kejuruteraan awam. Ianya menekankan kepada kerja-kerja amali yang menggunakan alatan tangan dan mesin-mesin dalam kerja kayu. Projek kerja amali yang akan dibuat oleh para pelajar adalah berasaskan kayu dengan membina bahagian-bahagian binaan bangunan seperti jenang, daun tingkap dan pintu, dan sebagainya. Selain itu juga para pelajar juga akan mempelajari teori-teori yang berkaitan dengan amalan pertukangan kayu seperti kayu-kayan, tanggam kerja kayu, bahan pemasangan dan penyantuman, bahan penyudahan dan kemas dalam kerja kayu.

Rujukan:

John A. Walton (1971) *Pertukangan Kayu - Tiori dan Amalan*. KL: DBP
Mix, Floyd M., Ciron, Ernest H (1969) *Practical Carpentry, Illionis: Goodheart-Wilcox., Inc.*
R. Bruce Hoadley (2000) *Understanding Wood : A Craftman's Guide to Wood Technology*, New York: The Macmillan Press Ltd.
Willis H. Wagner (1974) *Modern Woodworking*, Illinois: The Goodheart-Wilcox Co. Inc. Pub.

SPE 2102 Kerja Bata & Konkrit

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada amalan pembinaan bahagian utama sesebuah bangunan seperti tembok, dinding, tiang dan gerbang. Ianya menekankan kepada kerja-kerja amali seperti menerap bata dengan pelbagai jenis ikatan dalam kerja bata, pembinaan gerbang, kerja kemas seperti melepa, pemasangan jubin dan sebagainya. Selain itu, para pelajar juga akan mempelajari teori-teori berkaitan seperti proses penyediaan bata, mortar dan konkrit. Turut ditekankan ialah kerja-kerja merancang tanda dan pengiraan kos bahan-bahan binaan yang terlibat.

Rujukan:

Tan Boon Tong (1987). *Kerja Batu Bata dan Konkrit*. KL: DBP.
Feirer, John L. (1994). *Wood : Technology and Processes*. New York: Macmillan Pub.
Bland, S. (1998). *Craf Design and Technology: Design and Communication*. London: Longman.

SPE 3112 Perkhidmatan Bangunan

Kursus ini mendedah dan menekankan kepada pengetahuan serta kemahiran asas yang berkaitan dengan aspek-aspek perkhidmatan bangunan. Ianya terdiri daripada amalan-amalan dan undang-undang perkhidmatan bangunan, system bekalan air, system pengendalian kumbahan dan sampah, system pengudaraan dan pencahayaan, system penyamanan udara, system bekalan elektrik, system pemasangan gas, system pencegahan kebakaran dan system mekanikal bangunan. Kefahaman dan kemahiran memilih serta menggunakan peralatan dan bahan-bahan serta aspek-aspek keselamatan yang berkaitan juga akan ditegaskan.

Rujukan:

Greeno, R., (1997). *Building Services, Technoglogy and Design*. Harlow. Essex: Longman.
Seely, I. H. (1995), *Building Technoglogy 5th Ed.*, Hants: Macmillan.
Doyle, K.M. (1990), *Plumbing and gas fitting, Volume 2: Services and roofing, Plumbing*, Wellington, N.Z: Gas & Drain laying Foundation
Hall, F. (1999), *Teknologi perpaipan*, edisi kedua, Kuala Lumpur:DBP
Hall, F. (1999), *Kerja paip: Pembekalan air sejuk, saliran dan pembersihan*, Skudai Johor: Penerbit UTM
Smith, Lee (1989), *Plumbing technology*, Albany, N.Y: Delmar Published

SPE 3022 Industri dan PTV

Kursus ini mengenalkan kepada pelajar perkembangan industri di Malaysia, jenis industri and peranan industri dalam menjanan ekonomi negara. Ia juga melihat peranan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional sistem di Malaysia dan perhubungan dengan industri. Pada akhir kursus ini pelajar seharusnya boleh membincangkan kepentingan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional dalam pembangunan sumber manusia, mengenal pasti program latihan di dalam negara dan membandingkannya dengan program yang di tawarkan di negara lain. Pelajar seharusnya boleh mengurus lawatan ke industri, menulis dan mempersembahkan laporan lawatan dan bekerja dalam pasukan.

Rujukan:

Exploring Industrial Technology : *Manufacturing* (1979) Poway Unified School District _ESA title C Project USA
Fates, J; Sheet E. Mervich G, & Dinan J. (1987) *Manufacturing a Basic Text*, New York, Glenco Publishing Comp.
Wallace R.G. (1987) *Introducing Technical and Vocational Education* , Hong Kong ,Macmillan Education Ltd.
Yahaya Emat (1996) *Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia*, Petaling Jaya, Ibs Buku Sdn Bhd .
Chua Ai Mee, Lee Geok Boi & Tan Lian Choo (1988) *So-You- Want- To-Work-In- A Hotel* , Singapore, Times Books International.

SPL 1122**Pakaian & Fabrik**

Kursus ini direka untuk mengenalkan pelajar kepada pengetahuan mengenai jenis, klasifikasi and pembinaan fabrik. Ia juga mendedahkan kepada pelajar kemahiran asas dalam membuat pakaian. Ia memberi penekanan kepada proses menjahit seperti asas melakar pola, jenis garis leher, lubang kengan, belah dan kancing. Pada akhir kursus ini pelajar seharusnya boleh membincang proses menjahit, prinsip memilih stail pakaian, bahan keperluan menjahit pakaian, menilai hasil kerja dan mengenal pasti masalah semasa mengacu. Pelajar juga seharusnya boleh bekerja dalam pasukan dan mematuhi etika profesional.

Rujukan:

- Aldrich, W. (1994). *Metric Pattern Cutting*. 3rd ed. London: Oxford Blackwell Scientific Publications.
Aldrich, W. (1994). *Metric Pattern Cutting For Children Wear: From 2-14 Years*. 2nd ed. London: Oxford Blackwell Scientific Publications.
Armstrong, H.J. (1984). *Pattern Making*. Los Angeles : Harper Collins Pub.
Mariam Abu Bakar (1988). *Panduan Membuat Pakaian*. Edisi 1. KL: Kary Bistari
Kadolph, S. et al. (1993). *Textiles*. 7th ed. New York: Macmillan Publishing Company

SPE 4612**Asas Pneumatik dan Hidraulik**

Kursus ini direka bentuk untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman amali di dalam sistem pneumatik dan hidraulik. Penekanan akan diberi kepada prinsip umum mengenai sistem kendalian penumatik dan hidraulik di stesyen kerja amali percubaan. Penyampaian teori akan disampaikan secara bersepadu semasa amali dilaksanakan. Pemasangan dan pengujian projek-projek amali yang dilaksanakan akan menyerupai apa yang terdapat di industri. Tajuk pengajaran juga akan meliputi elektro-pneumatik dan elektro-hidraulik. Diakhir kursus ini pelajar diharapkan akan dapat menghasilkan tugas dan menggunakan pengetahuan berkaitan untuk menyediakan laporan dan berkemampuan menyelesaikan masalah berkaitan rekabentuk system pneumatic dan hidraulik. Pelajar juga dapat bekerja bersama dalam kumpulan dan mempamerkan etika professional yang diharapkan.

Rujukan:

- Bolton, W. (1997). *Pneumatic and hydraulic systems*. Oxford: Butterworth-Heinemann
Espito, A. (1994). *Fluid power with application*, Englewood Cliff, N.J: Prentice-Hall
Pair, A. (1999). *Hydraulics and pneumatics: a technician and engineer guide*, Oxford: Butterworth-Heinemann
Pease, Dudley A. (1987) *Basic fluid power, 2nd Edn*, Englewood Cliff, N.J: Prentice-Hall
Stewart Harry L. (1987), *Pneumatic and hydraulic*, 4th Edn, New York: Macmillan

SPE 3512**Asas Robotik dan Mekatronik**

Kursus ini direka bentuk untuk mendedahkan pelajar di dalam menyesuaikan diri terhadap pendekatan kepelbagaian disiplin dan kesepaduan bidang kejuruteraan. Kursus ini berhasrat untuk memberi pengetahuan asas dalam mekatronik dan robotic dan dapat menghubungkaitkannya kedalam bidang yang lebih khusus. Keperluan terhadap pengetahuan dan kemahiran yang bersepadu dalam bidang kejuruteraan elektronik, elektrik, teknologi computer dan kejuruteraan kawalan dengan kejuruteraan mekanikal akan ditegaskan. Pengenalan kepada mekatronik dan robotic akan meliputi prinsip asas system, keperluan dan aplikasi mudah kedua-duanya. Diakhir kursus ini pelajar diharapkan akan dapat menguasai pengetahuan asas dan mengenalpasti pelbagai konsep dan prinsip kendalian di dalam mekatronik dan robotic.

Rujukan:

- Badley, David.A.,(1991). *Electronics in Products and Process*. London : Cahpman and Hall.
Craig, John.J., (1989). *Introduction to Robotics*. Sydney : Addison Wesley.
Nik Zaleha Nik Manap (1992), *Peralatan Sistem Kawalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
Mc Kerrow & Philip John. (1991). *Introduction to Robotics*. Sydney : Addison Wesley

SPL 3002**Perkhidmatan Bangunan : Perpaipan**

Kursus ini direka bentuk untuk mendedahkan pelajar secara amali untuk mendapatkan pengalaman dalam pemasangan, menservis dan menyenggara peralatan kelengkapan dan sistem perpaipan di rumah. Lawatan belajar ke pusat rawatan air awam adalah dilakukan, keperluan terhadap penjagaan alam sekitar untuk mengelakkan pencemaran air akan dibincangkan. Penyampaian teori akan disampaikan secara bersepadu semasa amali dilaksanakan. Keperluan dan langkah pengurusan dalam santasi dan air kumbahan dalam perpaipan domestik akan dibincangkan. Diakhir kursus ini pelajar diharapkan akan dapat, menguasai pengetahuan asas dan berupaya memberi dan melakukan kerja-kerja amali, menyiapkan folio kerja perpaipan dan berkebolehan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan jaya.

Rujukan:

Birdi, G. S. (1976). *Water Supply and Sanitary Engineering* 3rd ed, New Delhi : Dhanpat Rai.
Doyle, K.M. (1990), *Plumbing and gas fitting, Volume 2: Services and roofing, Plumbing*, Wellington, N.Z: Gas & Drain laying Foundation
Hall, F. (1999), *Teknologi perpaipan*, edisi kedua, Kuala Lumpur:DBP
Hall, F. (1999), *Kerja paip: Pembekalan air sejuk, saliran dan pembersihan*, Skudai Johor: Penerbit UTM
Smith, Lee (1989), *Plumbing technology*, Albany, N.Y: Delmar Publisher

SPE 2602 Rekabentuk Sistem

Kursus ini direka bentuk untuk mendedahkan pelajar kepada perkembangan sistem yang berkaitan dengan proses pembuatan. Kursus ini akan memberikan penekanan kepada aspek-aspek asas rekabentuk, teori-teori, proses pembangunan barangan, pengurusan projek, kerja berkumpulan, dokumentasi teknikal dan cara perbentangan, kaedah mendapatkan maklumat, menyelesaikan masalah, isu-isu dan teknologi yang berkaitan. Pelajar dikehendaki terlibat dalam aktiviti seperti percambahan idea, melakar dan melukis lukisan kerja, menghasilkan produk percubaan, lawatan diindustri, perundingan pakar, dan sesi-sesi kuliah. Diakhir kursus ini, pelajar berupaya untuk menghasilkan konsep baru sesuatu barangan sebagaimana ditetapkan oleh pensyarah. Pelajar juga diharapkan boleh bekerja secara berkumpulan, menyediakan dokumen yang berkaitan dan mempersembahkan idea dalam bilik darjah.

Rujukan:

David M. (1998). *Psychology of System Design*. Amsterdam: Elsevier.
Cushman, W. H., (1991) *Human Factors in Product Design*. Amsterdam: Elsevier.
Heskett, John., (1980). *Industrial Design*. London: Thames & Hudson.

SPE 2622 Rekabentuk Industri

